

## PEKELILING CRIM BIL. 4/2018

Dekan/Pengarah  
Fakulti/Institut/Pusat  
Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Prof./Tuan/Puan,

### GARIS PANDUAN PEMANTAUAN PROJEK PENYELIDIKAN (UKM-SPKP-CRIM-PK02-GP01) PINDAAN 1 JULAI 2018

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana sedia maklum, modul pemantauan bagi penghantaran laporan kemajuan dan laporan akhir projek penyelidikan secara atas talian SMPU telah dilaksanakan mulai 1 Julai 2014 melalui pekeliling CRIM Bil. 7/2014 bagi semua Geran Universiti Penyelidikan dan Geran Kementerian Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) dan Geran Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). Modul pemantauan ini seterusnya dilaksanakan kepada semua geran luar kerajaan/swasta di peringkat kebangsaan dan antarabangsa mulai 1 Januari 2018.
3. Bagi memastikan penghantaran laporan kemajuan dihantar secara berterusan oleh Ketua Projek, pihak CRIM telah menambahbaik modul pemantauan SMPU dengan melaksanakan mekanisma pembekuan peruntukan. Bagi Ketua Projek yang tidak mengemukakan laporan kemajuan dalam tempoh yang ditetapkan, penggunaan peruntukan projek akan dibekukan sehinggalah laporan kemajuan dihantar dan disahkan oleh Sekretariat Penyelidikan Pusat Tanggungjawab (PTj). Pelaksanaan pembekuan ini berkuatkuasa mulai **1 Julai 2018** kepada semua projek di bawah Dana Universiti Penyelidikan.
4. Selaras dengan penambahbaikan ini, Mesyuarat Pengurusan CRIM Bil. 5/2018 pada 31 Mei 2018 telah bersetuju meluluskan **Garis Panduan Pemantauan Projek Penyelidikan:UKM-SPKP-CRIM-PK02-GP01 (No. Isu: 02, No. Semakan: 00, Tarikh Kuatkuasa: 1 Julai 2018)**. Garis Panduan ini boleh dicapai melalui <http://research.ukm.my>
5. Sehubungan ini, kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Prof./tuan/puan adalah dipohon agar dapat memaklumkan perkara ini kepada semua penyelidik dan Sekretariat Penyelidikan di bawah pengawasan dan penyeliaan YBhg. Datuk/Dato'/ Datin/Prof./tuan/puan. Kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Prof./tuan/puan dalam perkara ini adalah sangat dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.



MS ISO 9001:2015

Cert. No. QMS 02549

Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Instrumentasi (CRIM), Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Telefon: +603-8921 3095 Faksimili: +603-8925 4550 E-mel: [drmc@ukm.edu.my](mailto:drmc@ukm.edu.my) Laman Web: <http://research.ukm.my>

Sekian.

Yang benar,



**PROF. DR. MUHAMMAD FAUZI MOHD ZAIN**  
Pengarah  
Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Instrumentasi

- s.k.
- Naib Canselor  
Universiti Kebangsaan Malaysia
  - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Penyelidikan dan Inovasi)  
Universiti Kebangsaan Malaysia
  - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Akademik dan Antarabangsa)  
Universiti Kebangsaan Malaysia
  - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar dan Alumni)  
Universiti Kebangsaan Malaysia
  - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat)  
Universiti Kebangsaan Malaysia
  - Pengarah Eksekutif Pentadbiran  
Jabatan Pendaftar  
Universiti Kebangsaan Malaysia
  - Pengarah Eksekutif Kewangan  
Jabatan Bendahari  
Universiti Kebangsaan Malaysia
  - Fail UKM PPI/244/57